

Teras manifesto Barisan Nasional Kurangkan berpolitik

80 2 JUL 1990

SEPANG, Ahad — Manifesto Barisan Nasional (BN) bagi pilihanraya umum akan datang menekankan kepada usaha mengekalkan kestabilan negara dan mengurangkan permainan politik bagi menjamin pembangunan yang berterusan untuk rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, ia juga memberi penekanan kepada usaha mengekalkan pemerintahan BN kerana hanya BN yang dapat menjamin kestabilan dan pembangunan negara.

Menurutnya, jawatankuasa manifesto BN bersetuju untuk menekankan usaha mewujudkan kestabilan negara kerana percaya parti pembangkang tidak dapat mewujudkan kestabilan negara bagi kesejahteraan rakyat.

Sehubungan itu, beliau berkata, Jawatankuasa Manifesto BN yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, sudah beberapa kali bertemu dan menyiapkan draf bagi manifesto itu.

"Bagaimanapun, kita masih lagi mengkaji beberapa perkara dalam manifesto itu. Kita tidak memberikan tarikh tertentu bagi penyediaan manifesto itu," katanya apabila ditanya mengenai teras manifesto BN dalam pilihanraya umum akan datang.

Beliau ditemui selepas mengadakan perjumpaan tertutup kira-kira sejam dengan badan perhubungan Umno Selangor, di Bagan Lalang Beach Resort, dekat sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jentera pilihanraya BN sudah bersiap sedia dan bersemangat penuh untuk menghadapi pilihanraya umum.

Oleh ZAINI
ZAINUDDIN

"Saya berpuas hati dengan persiapan jentera pilihanraya dan hasil tinjauan saya, insya Allah kemenangan terjamin dalam tangan kita," katanya.

Mengenai Sistem Keutamaan Am (GSP), Datuk Seri Dr Mahathir membidas pemimpin pembangkang yang juga pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), seperti Encik V David dan Encik Zainal Rampak kerana mahu menghancurkan periuk nasi pekerja dengan menyuruh orang asing menghapuskan taraf GSP untuk Malaysia.

Menurutnya, golongan seperti inilah yang menghasut pekerja kilang Hitachi di Bangi supaya mengadakan mogok haram baru-baru ini sehingga mereka hampir kehilangan pekerjaan.

Katanya, Encik David memberi maklumat salah mengenai keadaan dalam negeri sedangkan beliau tahu tanpa GSP barangan negara tidak dapat bersaing.

"Dia kata nak sokong (kerajaan)...sokong dengan syarat, iaitu mahu menyokong usaha kerajaan mempertahankan taraf GSP tetapi mendesak kerajaan dengan membuat pelbagai tuntutan berhubung nasib pekerja di negara ini," kata Datuk Seri Dr Mahathir.